

04/06/2003

30 peratus calon Umno dijangka muka baru

Rashidi Karim

KANGAR: Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak meramalkan parti itu akan menampilkan 20 hingga dan 30 peratus muka baru sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, pemilihan muka baru dibuat berdasarkan beberapa faktor, termasuk latar belakang dan rekod perkhidmatan mereka.

"Pucuk kepemimpinan Umno mempunyai mekanisma tersendiri dalam memilih calon dan ia semestinya dilakukan secara telus, adil dan saksama.

"Kita akan mendapatkan maklumat peringkat akar umbi hingga pucuk pimpinan sebelum memilih calon untuk bertanding pada pilihan raya nanti,"

katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena Konvensyen Umno Perlis, di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi Perhubungan Umno dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

Najib berkata, pemilihan calon akan melalui proses menyeluruh kerana ia

memerlukan cadangan dan pandangan tiga peringkat pemilihan, iaitu bahagian, perhubungan negeri dan pucuk pimpinan.

"Yang dipilih semula, yang gugur adalah perkara biasa," kata Najib yang juga Menteri Pertahanan ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana

Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam bahawa pemilihan calon

pilihan raya umum akan dilakukan secara adil dan saksama.

Justeru, beliau meminta semua ahli menyerahkan pemilihan calon kepada pucuk kepemimpinan parti membuat keputusan.

Dalam ucapannya, Najib meminta ahli Umno tidak membuat pelbagai andaian

mengenai peralihan kuasa pucuk kepemimpinan parti yang akan berlaku tidak

lama lagi bagi menjamin kestabilan dan keutuhan parti.

Katanya, ahli perlu memberi sokongan padu dan akur terhadap sebarang keputusan pucuk kepemimpinan tertinggi dalam menentukan barisan pemimpin parti.

"Tak usahlah ada ahli membuat adu domba...kita dengar ada orang bawah bawa macam-macam cerita karut mengenai peralihan dan perubahan yang akan berlaku dalam parti.

"Pemimpin di atas semua baik. Keputusan bukannya boleh dibuat di kedai kopi...serah kepada pucuk kepemimpinan parti untuk menentukan barisan pemimpin," katanya.

Najib berkata, sebarang perubahan dalam kepemimpinan parti perlu dilakukan secara tersusun bagi memastikan jentera parti sentiasa teguh untuk menghadapi pilihan raya umum.

Justeru, katanya, sokongan padu hendaklah diberikan kepada Abdullah sebagai pengganti Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada Oktober ini.

Mengenai cadangan parti MCA untuk menghadkan tempoh jawatan presiden

parti supaya tidak melebihi tiga penggal, Najib berkata, Umno mempunyai pendekatan tersendiri menentukan proses kepemimpinan parti.

"Ini soal dalaman parti MCA...Umno ada strategi tersendiri dan kita tidak semestinya mengikut pendekatan MCA," katanya.